

# LAMPIRAN S.1

## GARISPANDUAN KAWALAN PERLETAKAN KOLUMBARIUM, KREMATORIUM, “FUNERAL PARLOUR”, PEMBUATAN DAN PENJUALAN KERANDA DI KAWASAN MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG

### 1.0 Tujuan

Tujuan garis panduan ini adalah untuk dijadikan sebagai panduan bagi mengawal perletakan kolumbarium, krematorium, “funeral parlour”, pembuatan dan penjualan keranda di kawasan MPPP.

### 2.0 Definisi

#### 2.1 Kolumbarium

Kolumbarium bermakna satu struktur atau bilik atau ruang dalam sesuatu bangunan atau lain-lain bangunan untuk menyimpan abu mayat penganut agama bukan Islam.

#### 2.2 Krematorium

Krematorium merupakan tempat pembakaran mayat penganut agama bukan Islam.

#### 2.3 “Funeral Parlour”

Suatu bangunan yang mempunyai kemudahan-kemudahan untuk penyediaan urusan mayat sebelum dibawa ke tempat pengkebumian atau pembakaran mayat.

### 3.0 Garis panduan

#### 3.1 Perlingkungan

Kawasan di mana lokasi kolumbarium, krematorium dan “funeral parlour” dibenarkan di Pulau Pinang.

- a) Perletakan kolumbarium, krematorium dan “funeral parlour” boleh dibenarkan di kawasan yang dizonkan sebagai tanah perkuburan seperti yang dinyatakan di dalam Rancangan Pemajuan samada Rancangan Struktur atau Rancangan Tempatan atau Pelan Dasar Perancangan dan Kawalan Pemajuan. Jarak zon penampakan perletakan kolumbarium dan krematorium di atas tanah perkuburan dari perumahan dan pembangunan terdekat ialah minimum 30 meter.
- b) Pembuatan keranda dan penjualan keranda boleh dibenarkan di kawasan yang dizonkan sebagai tanah perkuburan sahaja dan di premis perniagaan keranda sediaada ~~iaitu di Mount Erskine, Jalan Perak, Jalan York dan di Lebuh Carnarvon~~ sahaja seperti yang ditunjukkan di Lampiran ‘A’.

*Dibatalkan  
melalui  
pindaan GP  
bertarikh  
22.02.18*

### 3.2 Keperluan semasa mengemukakan Permohonan Kebenaran Merancang (PKM)

- a) *Mana-mana lokasi premis perniagaan keranda sedia ada seperti di Lampiran 'A' yang TIDAK mematuhi perlingkungan (selain zon perniagaan), boleh dipertimbangkan untuk beroperasi tertakluk kepada mematuhi garis panduan dan syarat-syarat sediaada jabatan-jabatan teknikal yang berkaitan semasa mengemukakan permohonan kebenaran merancang. PKM perlu dikemukakan.*
- b) *Mana-mana lokasi premis perniagaan keranda sedia ada seperti di Lampiran 'A' yang mematuhi perlingkungan (zon perniagaan), hanya permohonan lesen perniagaan diperlukan. PKM dikecualikan di dalam tempoh pemutihan.*

Dimasukkan melalui pindaan GP bertarikh 22.02.18

Dimasukkan melalui pindaan GP bertarikh 22.02.18

### 3.3 Rekabentuk Bangunan

- a) Rekabentuk bangunan sesuai dengan keadaan sekeliling.
- b) Kawasan kolumbarium, krematorium dan "funeral parlour" perlu dilandskapkan untuk bertindak sebagai zon pemisah di antara dua jenis kegunaan tanah.

## 4.0 Tempoh Pemutihan

*Tempoh pemutihan bagi premis perniagaan keranda yang mematuhi perlingkungan Pelan Dasar Perancangan Dan Kawalan Pemajuan Pelan No.: MPPP/PN-020(PL/PP) adalah selama satu (1) tahun bermula dari tarikh disahkan di Mesyuarat Biasa Majlis (MBM) iaitu pada 22.02.2018*

Dimasukkan melalui pindaan GP bertarikh 22.02.18

## 5.0 Tarikh Pelaksanaan

1. Tarikh pelaksanaan garis panduan ini ialah tarikh ianya dilulus dan disahkan Jawatankuasa Perancang Negeri iaitu pada 19.1.2006.
2. Tambahan ke atas senarai lokasi untuk aktiviti penjualan keranda dalam Garispanduan Kawalan Perletakan Kolumbarium, Krematorium, "Funeral Parlour", Pembuatan Dan Penjualan Keranda Di Kawasan Majlis Perbandaran Pulau Pinang telah diluluskan di MJTPP Bil 9/2017 pada 06.09.2017.
3. Pindaan ke atas senarai lokasi untuk aktiviti penjualan keranda dalam Garispanduan Kawalan Perletakan Kolumbarium, Krematorium, "Funeral Parlour", Pembuatan Dan Penjualan Keranda Di Kawasan Majlis Perbandaran Pulau Pinang telah diluluskan di MJTPP Bil 2/2018 pada 01.02.2018 dan disahkan di Mesyuarat Biasa Majlis (MBM) pada 22.02.2018

## LAMPIRAN 'A'

### Senarai pemutihan premis perniagaan keranda

Bil	Nama Perniagaan	Jenis Perniagaan	Zoning	Lesen	Nota
1.	Hock Bean Guan, 184 Lebuah Carnarvon	Kedai Keranda	Komersil	√	GP Asal
2.	Hock Guan Huat, 196 & 198 Lebuah Carnarvon	Kedai Keranda	Komersil	x	GP Asal
3.	Hock Lean Seng, 161 & 163 Lebuah Carnarvon	Kedai Keranda	Komersil	√	GP Asal
4.	Sin Huat Pembuat Peti Mayat, Jalan Perak	Pembuat Peti Mayat	Komersil	√	GP Asal
5.	Kedai Keranda Malaysia Casket Co., 3A Jalan Mount Erskine	Kedai Keranda	Perumahan Tetap Sedia Ada	x	GP Asal
6.	Perkhidmatan Pengebumian Secara Casket Enterprise, 8A Jalan York	Kedai Keranda	Perumahan Am	x	GP Asal
7.	Eternal Bliss Enterprise, 420 Jalan Perak	Kedai Keranda	Komersil	√	tambahan
8.	Forover Bliss Enterprise, No. 64 Jalan Kuantan	Kedai Keranda	Komersil	x	tambahan
9.	NV Care Sdn. Bhd., No. 94, 96 & 98 Lebuah Citra	Kedai Keranda	Komersil	x	tambahan
10.	Seng Casket Service, 138-D Lebuah Melaka	Kedai Keranda	Komersil	x	tambahan
11.	Eternity Bliss Enterprise, No. 76 Jalan Seang Teik	Kedai Keranda	Komersil	x	tambahan
12.	Hock Shan Trading, No. 78 Jalan Hutton	Kedai Keranda	Komersil	x	tambahan
13.	Kedai Keranda Malaysia Casket Co., 6 Jalan Mount Erskine	Kedai Keranda	Perumahan Am	x	tambahan
14.	Modern Coffin Trading, No. 7 Jalan Mount Erskine	Kedai Keranda	Perumahan Am	x	tambahan

Sumber : 1 : Senarai perniagaan – GP asal & Jabatan Pelesenan  
2 : Lesen : Jabatan Pelesenan (sehingga 31.7.2017)